

KESAN SEJARAH DAN PEMIKIRAN KONFUSIANISME DINASTI CHOSON TERHADAP NILAI DAN NORMA KONTEMPORARI KOREA SELATAN

Nur Alam Hamzah,¹Tan Soo Kee²

Abstract: This study focuses on the impact of history and Confucian thought on the Choson Dynasty on the values and norms of contemporary South Korea. The objectives of this study are divided into two parts: firstly, to identify the Confucian values that existed during the rule of the Choson Dynasty, and secondly, to ascertain the influence of Confucian thought on the values and norms of contemporary South Korea. This study employs a qualitative method, utilising secondary sources to obtain information on Confucian values during the Choson Dynasty and collecting data related to their impact on contemporary norms in South Korea. The findings of the study indicate that history and Confucian thought have had an impact on the values and norms of contemporary South Korea, especially in the areas of family relationships, administrative and governance systems, and societal education. However, the Confucian values practiced during the Choson Dynasty have undergone changes due to external influences such as Japan and Western countries. This has led to a transformation of Confucian thought from the Choson Dynasty to meet the needs of contemporary South Korean society. In conclusion, this study can assist researchers and readers in understanding current issues and comprehending the causes and factors behind issues that arise in contemporary South Korea.

Keywords: Choson Dynasty, Confucian thought, South Korean culture, Korean society, Confucian values

Abstrak: Kajian ini memfokuskan kepada kesan sejarah dan pemikiran Konfusianisme pada dinasti Choson terhadap nilai dan norma kontemporari Korea Selatan. Objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu untuk mengetahui nilai-nilai Konfusianisme yang wujud semasa pemerintahan dinasti Choson dan mengenal pasti kesan pemikiran Konfusianisme kepada nilai dan norma kontemporari Korea Selatan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji menggunakan sumber sekunder bagi memperoleh data mengenai nilai-nilai Konfusianisme yang wujud semasa dinasti Choson dan mengumpul data berkaitan kesan terhadap norma kontemporari Korea Selatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sejarah dan pemikiran Konfusianisme memberi kesan kepada nilai dan norma kontemporari Korea Selatan terutamanya dalam hubungan kekeluargaan, sistem pentadbiran dan pemerintahan, dan pendidikan masyarakat Korea Selatan. Namun, nilai-nilai Konfusianisme yang diamalkan semasa dinasti Choson telah mengalami perubahan kerana wujudnya campur tangan luar seperti Jepun dan negara barat. Hal ini telah menyebabkan pemikiran Konfusianisme yang wujud pada dinasti Choson berubah

¹ Penulis pertama dan koresponden: Nur Alam Hamzah adalah pelajar, Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 50603, Malaysia. Email: 22054690@siswa.um.edu.my.

² Penulis kedua: Tan Soo Kee, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 50603, Malaysia. Email: chensk@um.edu.my.

bagi memenuhi keperluan masyarakat kontemporari Korea Selatan. Tuntasnya, kajian ini dapat membantu pengkaji dan pembaca memahami isu semasa dan dapat memahami punca dan faktor sesuatu isu yang berlaku dalam kontemporari Korea Selatan.

Kata kunci: Dinasti Choson, fahaman Konfusianisme, budaya Korea Selatan, masyarakat Korea, nilai Konfusianisme.

PENGENALAN

Empayar atau dinasti yang dahulunya memerintah sesebuah tamadun pasti akan meninggalkan sejarah. Antaranya adalah Dinasti Choson, yang memaparkan simbol pengaruh budaya dan falsafah yang berterusan dalam perjalanan masyarakat Korea melalui sejarah. Dinasti Choson, yang telah memerintah Korea selama lebih daripada lima abad antara 1392 dan 1910³, bukan sahaja merupakan tempoh masa yang penting dalam sejarah Korea, malah merupakan medan gabungan latar belakang sejarah dan idea falsafah yang masih relevan dalam budaya Korea Selatan hari ini. Artikel ini dimulakan dengan perjalanan sejarah bermula dengan gambaran ringkas mengenai Dinasti Choson. Seterusnya, artikel ini akan membincangkan tentang kemunculan Konfusianisme yang memberi kesan kepada sosial, politik dan budaya Dinasti Choson. Objektif utama adalah untuk meneroka sejarah dan falsafah Konfusianisme Dinasti Choson, terutamanya bagaimana mereka membentuk nilai dan norma yang terus wujud dalam masyarakat Korea Selatan hari ini.

Kejatuhan Dinasti Koryo menandakan bermulanya pemerintahan baharu telah bermula, iaitu penubuhan Dinasti Choson yang memegang kuat prinsip Konfusianisme. Semasa Dinasti Choson, gerakan falsafah yang diasaskan dalam ajaran Konfusianisme menjadi berkembang, serta menjadi tonggak etika budaya, kerajaan, dan cara hidup pada waktu itu. Kesan meluas Konfusianisme sepanjang era Dinasti Choson akan dibincangkan dalam artikel ini. Idea-idea asas Konfusianisme dibincangkan seperti ketaatan anak kepada ibu bapa, hierarki sosial, dan etika kerja yang kuat. Nilai-nilai ini, bersama-sama dengan yang lain, berfungsi sebagai petunjuk dan hala tuju untuk masyarakat Choson, yang mentakrifkan bukan sahaja bagaimana seseorang individu itu harus berkelakuan, tetapi juga menunjukkan bagaimana rangka kerja pemerintahan kerajaan dan tonggak keluarga sepatutnya berfungsi.

Artikel ini juga akan membincangkan kesan kesinambungan sejarah yang akan menunjukkan bagaimana pengaruh berterusan Konfusianisme telah mempengaruhi budaya Korea Selatan kontemporari. Seterusnya, artikel ini membincangkan tentang budaya dan masyarakat Korea Selatan yang kompleks yang melalui proses dalam satu tempoh masa, di mana dahulu dan sekarang bergerak seiringan bersama-sama dalam keadaan harmoni dan berubah mengikut zaman. Walaupun adanya pengubahsuaian dan pelarasan yang tidak dapat dielakkan mengikut peredaran masa, teras Konfusianisme masih bergema dalam nilai dan norma hidup masyarakat Korea Selatan.

DINASTI CHOSON DAN KONFUSIANISME: TINJAUAN SEJARAH

Dinasti Choson adalah ilustrasi yang mengagumkan tentang bagaimana sebuah dinasti boleh meninggalkan jejak yang kekal dalam sejarah sesebuah negara. Dinasti Choson, yang bermula pada tahun 1392 dan berlangsung selama lebih daripada lima abad sehingga 1910, merupakan

³ Kim, Bok-Rae, "Korean nobi resistance under the Chosun dynasty (1392–1910)," *Slavery & Abolition* 25, no. 2 (2004), 48–62. <https://doi.org/10.1080/0144039042000293036>.

tempoh masa yang penting dalam sejarah Semenanjung Korea.⁴ Dinasti Koryo, yang telah didahului oleh pergolakan dan ketidakstabilan, telah digulingkan, dan Dinasti Choson di bawah pimpinan Jeneral Yi Seong-gye telah ditubuhkan. Dengan naiknya takhta sebagai Raja Taejo, Yi Seong-gye memulakan rangkaian peristiwa yang akhirnya membentuk sejarah Korea.⁵ Dinasti itu diberi nama "Choson," (atau Joseon) sebagai satu tanda kepada Gojoseon (dinasti pertama di Korea) yang bersejarah dan gambaran kembalinya kepada adat resam tamadun Korea awal.⁶ Secara umumnya, Dinasti Choson mewakili pemikiran semula asas budaya dan pentadbiran Korea, bukan sekadar perubahan dalam kuasa politik. Penggabungan nilai Konfusianisme adalah teras kepada sistem pentadbiran Dinasti Choson.⁷ Semasa Dinasti Koryo, pendekatan intelektual Konfusius sarjana Cina telah semakin popular di Korea. Konfusianisme, bagaimanapun, tidak sepenuhnya menguasai masyarakat sehingga tertubuhnya dinasti Choson, apabila ia muncul dan mendominasi sistem intelek dan moral seterusnya membentuk nilai dan norma hidup masyarakat.

Fokus Konfusianisme adalah pada tingkah laku moral, nilai kekeluargaan, dan ketertiban sosial yang telah diiktiraf oleh raja-raja Choson, yang mempunyai peranan keupayaan dalam menstabilkan masyarakat. Buku-buku Konfusianisme menjadi bacaan yang diperlukan dalam kelas pemerintah di bawah arahan Raja Taejo, dan para sarjana Konfusianisme telah ditugaskan untuk jawatan penting dalam kerajaan. Ajaran Konfusianisme telah meresap secara mendalam ke seluruh budaya Choson, dalam setiap aspek kehidupan seharian, daripada sistem kekeluargaan sehinggalah kepada sistem kerajaan.⁸ Konfusianisme didasarkan pada beberapa idea asas yang ditekankan semasa Dinasti Choson. Idea ini berfungsi sebagai didikan untuk masyarakat Choson, mempengaruhi kedua-dua institusi dan tingkah laku.

1. Ketaatan, kewajipan dan kasih sayang terhadap ibu bapa (Hyo): Falsafah Konfusianisme sangat menekankan kepentingan penghormatan anak-anak terhadap ibu bapa dan orang tua mereka. Dalam masyarakat Choson, kepercayaan ini sangat kuat dan dapat dilihat melalui upacara penghormatan nenek moyang. Ritual ini melibatkan persembahan makanan dan wain atau arak kepada nenek moyang yang telah meninggal dunia sebagai tanda kesyukuran dan memohon berkat mereka. Ritual atau tradisi ini dilakukan secara berkala oleh ahli keluarga, untuk memastikan hubungan ahli keluarga dengan roh sentiasa terjaga walaupun setelah meninggal dunia serta dapat mengekalkan rasa kesinambungan dalam kekeluargaan. Kepentingan ketaatan anak melangkaui unit keluarga, kerana ajaran Konfusianisme menekankan kepentingan menghormati pihak berkuasa dan memenuhi kewajipan seseorang terhadap keluarga, masyarakat, dan negara.⁹ Kerangka moral ini memainkan peranan penting dalam membentuk nilai dan norma hidup masyarakat.
2. Hierarki Sosial (Eui): Berdasarkan faktor seperti persaudaraan, umur dan jantina, Konfusianisme menggalakkan susunan sosial yang kuat. Struktur kelas Choson Korea ini telah mengawal kedudukan serta keistimewaan seseorang dalam masyarakat. Dalam struktur hierarki, yangban menduduki kedudukan di bahagian atas, iaitu kelas rasmi

⁴ Lee, Yong wook, "A Study on Roads and Wagons in the Goryeo-Joseon Period," *Korean Ancient Historical Society* 116 (2022), 83–111, <https://doi.org/10.18040/sgs.2022.116.83>.

⁵ Kim, Bok-Rae, "Korean nobi resistance under the Chosun dynasty (1392–1910)," *Slavery & Abolition* 25, no. 2 (2004), 48–62. <https://doi.org/10.1080/0144039042000293036>.

⁶ Moore, Robert. L., "Confucianism and the Family," In *The Oxford Handbook of Confucianism*, (Oxford University Press, 2023), 365-C27P75.

⁷ Ibid.

⁸ Kim, Sungmoon, *Confucian Constitutionalism* (Oxford University Press New York, 2023), 35-67, <https://doi.org/10.1093/oso/9780197630617.001.0001>.

⁹ Park, Insook Han, and Lee Jay Cho, "Confucianism and the Korean Family," *Journal of Comparative Family Studies* 26 (1995): 117–134, <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:51747937>.

para sarjana, yang menikmati kuasa dan prestij yang besar. Selepas itu adalah rakyat biasa, yang kemudiannya dibahagikan kepada kelas sosial yang berbeza berdasarkan pekerjaan dan kekayaan mereka. Di bahagian kedudukan paling bawah pula adalah hamba, yang tidak mempunyai kedudukan sosial atau hak. Struktur hierarki ini meresap dalam semua aspek masyarakat Korea, daripada politik kepada pendidikan hinggalah kepada kehidupan seharian. Ia membentuk hubungan antara individu dan menentukan peranan dan tanggungjawab mereka.¹⁰

3. Kesetiaan dan Patriotisme (Chung): Konfusianisme mementingkan nilai seperti kesetiaan kepada pemerintah dan patriotisme. Para sarjana zaman Choson mewajibkan rakyat untuk berkhidmat kepada raja mereka dengan kesetiaan dan berdedikasi. Penekanan terhadap kesetiaan ini dilihat sebagai satu cara untuk mengekalkan ketenteraman dan kestabilan sosial. Nilai-nilai ini memainkan peranan penting dalam membentuk struktur sosial dan politik masyarakat Choson.¹¹
4. Pendidikan (Kyoyuk): Untuk melahirkan intelektual Konfusianisme yang berpengetahuan, Dinasti Choson telah memulakan sistem pendidikan yang ketat. Pelajar dikehendaki mempelajari kitab *Four Books* dan *Five Classics*, yang termasuk dalam karya Konfusius dan sarjana berpengaruh lain. Pendidikan dilihat sebagai satu cara untuk memupuk budi pekerti dan menggalakkan keharmonian sosial. Kurikulum menekankan nilai ketaatan anak, kesetiaan, dan menghormati pihak berkuasa. Sistem pendidikan juga memainkan peranan dalam mengukuhkan hierarki sosial, kerana hanya golongan elit yang mempunyai akses kepada pendidikan ini.

Seterusnya, Konfusianisme Baru pula muncul di Korea dan berkembang semasa penjajahan Jepun dari tahun 1910 hingga 1945. Sarjana Pak Chonghong dan Yi Sang-un memainkan peranan penting dalam membentuk dan mempromosikan gerakan intelektual ini pada pertengahan abad ke-20. Mereka berusaha untuk mendamaikan nilai-nilai Konfusianisme dengan idea-idea Barat dan mengharungi cabaran yang ditimbulkan oleh penjajahan dan pemodenan.¹² Pengaruh Konfusianisme di Korea meningkat semasa dinasti Goryo dan berterusan semasa dinasti Choson. Namun begitu, kesan penjajahan Jepun di Korea (1910-1945) telah memberikan impak yang ketara iaitu percubaan untuk melucutkan identiti budaya orang Korea.¹³ Oleh yang demikian, kemunculan Konfusianisme Baru adalah sebagai tindak balas terhadap cabaran penjajahan dan pemodenan di Korea.

Ringkasnya, latar belakang sejarah Dinasti Choson dan pematuhan menyeluruhnya kepada idea-idea Konfusianisme ini menandakan titik kritikal dalam sejarah Korea. Ringkasan sejarah ini menekankan kepentingan Konfusianisme sebagai ideologi dominan yang mempengaruhi politik, etika dan budaya zaman ini. Nilai teras Konfusianisme yang ditekankan sepanjang Dinasti Choson mewujudkan nilai dan norma berkekalan yang terus memberi kesan kepada budaya Korea Selatan moden. Pengaruh Konfusianisme semasa Dinasti Choson melangkaui kuasa politik dan membentuk budaya serta pentadbiran Korea. Penghayatan nilai Konfusianisme semasa Dinasti Choson telah meninggalkan kesan yang berkekalan kepada masyarakat Korea dan seterusnya membentuk budaya, nilai dan norma kehidupan Korea Selatan kontemporari.

¹⁰ Im, Tobin, Jesse Campbell, and Seyeong Cha, "Revisiting confucian bureaucracy: Roots of the korean government's culture and competitiveness," *Public Administration and Development* 33 (2013), <https://doi.org/10.1002/pad.1656>.

¹¹ Park, Insook Han, and Lee Jay Cho, "Confucianism and the Korean Family," *Journal of Comparative Family Studies* 26 (1995): 117–134, <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:51747937>.

¹² Gao, Xing-Ai, and So-Yi Chung, "Characterizing 'New Korean Confucianism': Focusing on Pak Chonghong and Yi Sang-ün's Life and Thought," *Religions* 14, no. 2 (2023): 138. <https://doi.org/10.3390/rel14020138>.

¹³ Ibid.

NILAI HYO (KETAATAN DAN KEWAJIPAN ANAK) DAN DINAMIK KELUARGA

Idea ketaatan anak (*filial piety*), atau "Hyo" dalam bahasa Korea, adalah salah satu elemen terpenting dalam pembentukan falsafah Konfusianisme. Penghormatan dan kasih sayang yang mendalam yang diberikan oleh anak-anak kepada ibu bapa mereka dan orang dewasa yang lain adalah inti dari nilai ketaatan anak. Terutama semasa Dinasti Choson, apabila ia bukan sekadar nilai moral tetapi juga asas kepada keamanan rumah tangga dan masyarakat, matlamat Konfusian ini mengatasi perdebatan falsafah dan menjadi realiti hidup. Dinasti Choson bersungguh-sungguh menyokong ideologi ini kerana mereka melihatnya sebagai perkara yang penting dikekalkan untuk memelihara moral dan kestabilan dalam budaya Korea. *Hyo* bukan sekadar idea teori kepada para intelek dan raja-raja Konfusian Choson; malah merupakan prinsip panduan yang dijalin ke dalam kehidupan harian.

Hyo adalah konsep multidimensi yang digunakan sepanjang tempoh dinasti Choson. Pelaksanaan upacara nenek moyang adalah salah satu manifestasi ketaatan yang paling jelas. Ahli keluarga menjalankan upacara memperingati nenek moyang dengan teliti bagi mengenang nenek moyang mereka, menekankan tanggapan bahawa hubungan dengan keluarga melangkaui kehidupan dan kematian.¹⁴ Semasa upacara ini, persembahan dibuat bagi menghormati si mati, dan ahli keluarga akan tunduk dan memberi penghormatan. Amalan ini mengukuhkan kepentingan ketaatan anak dan kesinambungan ikatan kekeluargaan. Di luar upacara formal, *Hyo* juga dizahirkan melalui tindakan seharian. Anak-anak diharapkan mematuhi dan menghormati ibu bapa mereka, mencari bimbingan dan mengikuti ajaran mereka. Mereka akan melakukan tindakan perkhidmatan dan kebaikan, seperti membantu kerja rumah atau menjaga ibu bapa mereka pada hari tua mereka. Perbuatan ini menunjukkan kasih sayang dan rasa terima kasih yang mendalam yang dirasai anak-anak terhadap ibu bapa mereka dan sebagai pengiktirafan atas pengorbanan ibu bapa mereka. Nilai *Hyo* bukan sekadar konsep abstrak, tetapi cara hidup yang meresap ke dalam setiap aspek masyarakat Korea semasa Dinasti Choson.

Satu lagi komponen penting dalam *hyo* (*filial piety*) ialah penghormatan kepada tokoh yang berkuasa. Kanak-kanak dikehendaki tunduk hormat kepada ibu bapa mereka dan ahli keluarga *senior* atau yang lebih berusia yang lain. Adat ini lebih daripada simbolik; ia menandakan penghormatan yang mendalam terhadap pengetahuan dan pengalaman orang tua. Cerminan lanjut mengenai tumpuan Konfusian pada hierarki dan ketertiban adalah kuasa patriarki yang tidak dapat dipertikaikan dalam sistem kekeluargaan. Patriarki, biasanya bapa atau datuk, memegang kuasa dan pengaruh yang ketara ke atas keputusan keluarga. Kata-katanya dianggap muktamad, dan kebijaksanaannya sangat disanjung tinggi. Konfusianisme juga menekankan kepentingan menghormati dan mematuhi tokoh-tokoh pihak berkuasa, seperti pegawai kerajaan dan pendidik. Penghormatan terhadap pihak berkuasa ini dilihat sebagai sesuatu yang penting bagi mengekalkan keharmonian dan ketenteraman sosial. Oleh itu, konsep *hyo* (*filial piety*) bukan sahaja merangkumi hubungan antara ibu bapa dan anak-anak tetapi juga struktur masyarakat yang lebih luas berdasarkan rasa hormat dan ketaatan. Ia merupakan prinsip asas yang membentuk budaya Korea semasa Dinasti Choson dan meninggalkan kesan yang berkekalan kepada masyarakat Korea.

Dalam budaya Korea Selatan kontemporari, kita melihat bahawa walaupun nilai ketaatan telah berubah, terasnya tetap berterusan. Adat istiadat upacara nenek moyang dan sistem hierarki telah berkurangan di Korea Selatan kontemporari disebabkan telah mengalami proses pemodenan yang sangat pesat. Penghormatan dan kesetiaan kepada keluarga,

¹⁴ Jung, Jae Seo, "Ritualization of Affection and Respect: Two Principles of Confucian Ritual," *Religions* 10, no. 3 (2019): 224, <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:150667436>.

bagaimanapun, terus menjadi nilai murni. Amalan menghormati nenek moyang masih diamalkan oleh isi rumah Korea Selatan hari ini, tetapi mungkin tidak seketat yang mereka lakukan pada Dinasti Choson. Di samping itu, hierarki keluarga dilihat kurangnya amalan patriarki dan lebih selaras dengan nilai demokrasi, namun penghormatan kepada orang tua masih menjadi prinsip yang sangat diangkat tinggi.¹⁵ Amalan perjumpaan keluarga, terutamanya semasa cuti adat seperti Chuseok, menekankan perkaitan persaudaraan dan ketaatan yang berkekalan.

Apa yang kita dapat lihat adalah idea *hyo (filial piety)* yang berakar umbi dalam nilai Konfusianisme, telah menjadi pendamping yang berterusan sepanjang sejarah Korea. Nilai *Hyo* adalah contoh utama nilai asas yang kekal sehingga hari ini. Ia menunjukkan bahawa beberapa idea yang dibawa dalam Konfusianisme bertahan walaupun tamadun berubah, dan cuba untuk kekal relevan dalam masyarakat. Semasa Dinasti Choson, *Hyo* bukan sahaja merupakan nilai moral tetapi juga elemen penting untuk mengekalkan ketenteraman dan kestabilan sosial. Artikel ini seterusnya akan membincangkan tentang nilai dan norma Korea Selatan yang telah dipengaruhi oleh latar belakang sejarah Dinasti Choson dan Konfusianisme dengan lebih lanjut, pada subtopik yang berikutnya.

ETIKA KERJA KONFUSIANISME: DARIPADA PEKERJA CHOSON KEPADA PROFESIONAL MODEN

Etika kerja dalam Konfusianisme menekankan nilai ketekunan dan kerja keras sebagai elemen utama. Asas etika kerja yang diajarkan dalam Konfusianisme adalah keyakinan bahawa usaha gigih dalam apa jua bidang usaha dapat memajukan masyarakat dan kesannya kepada pertumbuhan moral seseorang. Menurut ajaran Konfusianisme, kerja bukan sahaja menyara untuk diri sendiri tetapi juga menyumbang kepada peningkatan masyarakat dan pembangunan moral peribadi.¹⁶ Hal telah menjadi akar umbi dalam dinasti Choson yang memberi kesan yang berkekalan kepada norma masyarakat Korea Selatan kontemporari.

Etika kerja Konfusianisme dapat dibuktikan melalui tinjauan pendapat pada tahun 1977 yang mendedahkan 80% pekerja Korea percaya bahawa "kerja keras adalah satu kewajipan."¹⁷ Sebagai contoh, buruh petani yang mengabdikan diri dan terus mengusahakan tanah menjadi tunjang ekonomi dinasti Choson.¹⁸ Pertanian dilihat sebagai kewajipan moral dan juga keperluan ekonomi. Pada tahun 1960-an dan 1970-an, buruh Korea Selatan melihat pekerjaan mereka sebagai satu cara untuk memajukan pertumbuhan dan kemakmuran negara mereka. Sebagai contoh, ungkapan Pergerakan Komuniti Baharu kerajaan, menggesa para buruh untuk "bekerja keras demi negara kita." Ia mencerminkan etika kerja Korea Selatan yang kukuh dan dedikasi dalam memenuhi kewajipan sosial dan kekeluargaan. Etika kerja ini boleh dikesan kembali pada dinasti Choson, di mana kerja keras dilihat sebagai satu kebaikan dan cara untuk memajukan masyarakat. Kepentingan buruh tidak terhad kepada sebab ekonomi; ia juga dilihat sebagai satu cara untuk memupuk akhlak. Kepercayaan ini mempengaruhi setiap aspek masyarakat, dengan petani mengabdikan diri mereka untuk bertani dan buruh melihat

¹⁵ Park, Hong-Jae, "Does Filial Piety Still Matter? A Filiality-based Perspective on Intergenerational Solidarity and Cooperation," *Journal of Intergenerational Relationships* 19 (2021): 1–14, <https://doi.org/10.1080/15350770.2021.1868232>

¹⁶ Kim, Andrew Eungi and Gil-sung Park. "Nationalism, Confucianism, work ethic and industrialization in South Korea." *Journal of Contemporary Asia* 33 (2003): 37 – 49, <https://doi.org/10.1080/00472330380000041>.

¹⁷ Kang, Jae Hyeung, James Matusik, and Lizabeth Barclay, "Affective and Normative Motives to Work Overtime in Asian Organizations: Four Cultural Orientations from Confucian Ethics," *Journal of Business Ethics* 140 (2017): 115–130, <https://doi.org/10.1007/s10551-015-2683-4>.

¹⁸ Kim, Andrew Eungi and Gil-sung Park. "Nationalism, Confucianism, work ethic and industrialization in South Korea." *Journal of Contemporary Asia* 33 (2003): 37 – 49, <https://doi.org/10.1080/00472330380000041>.

pekerjaan mereka sebagai satu cara untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan kemakmuran negara mereka. Kerajaan juga memainkan peranan dalam mempromosikan etika kerja ini bagi menggalakkan buruh bekerja keras demi kepentingan negara.

Etika kerja Konfusian diperkukuhkan lagi dengan tanggapan bahawa tenaga kerja menyumbang kepada kemakmuran keluarga dan negara. Ahli kraf dan tukang mempunyai etika kerja yang sama di bandar. Kerja yang dilakukan mencerminkan dedikasi mereka kepada pekerjaan dan kedudukan mereka dalam struktur sosial, yang mana mereka tidak termotivasi secara eksklusif dalam mengejar kekayaan. Ini juga jelas dalam etika kerja seseorang yang memegang jawatan pengurus dan usahawan Korea. Orang Korea berpendapat bahawa sesebuah organisasi didorong oleh perasaan kewajipan dan kebanggaan dalam kerja mereka di samping keuntungan. Sebagai contoh, ahli perniagaan yang membiayai inisiatif kebudayaan, pendidikan, dan kebajikan sosial serta penyelia yang bertindak secara paternalistik terhadap kakitangan mereka.¹⁹ Ahli akademik yang mempelajari Konfusian klasik turut berpegang kepada etika kerja ini. Komitmen mereka untuk belajar dilihat sebagai satu jenis pekerjaan yang membantu dalam kemajuan moral dan intelek negara.

Etika kerja Konfusian berubah apabila Korea Selatan berkembang menjadi sebuah negara perindustrian moden untuk memenuhi keperluan masyarakat yang sentiasa berubah. Ekonomi luar bandar dinasti Choson memberi laluan kepada landskap perindustrian dan teknikal semasa. Golongan profesional di Korea Selatan hari ini terus mengekalkan etika kerja Konfusianisme di tempat kerja termasuk pejabat, kilang dan makmal. Insentif afektif positif (terdapat daripada tanggungjawab moral dan hubungan emosi) telah dikaitkan secara positif dengan etika kerja Konfusian apabila ia datang untuk bekerja lebih masa.²⁰ Walau bagaimanapun, sifat kerja telah mengalami perubahan. Rakyat Korea Selatan memberikan banyak sumbangan tenaga kerja dalam ekonomi global yang sangat kompetitif, dan etika kerja Konfusianisme telah diselaraskan agar sesuai dengan persekitaran Korea Selatan kontemporari. Nilai Konfusianisme boleh membantu pekerja menjadi lebih gembira dan lebih produktif di samping membantu mereka menangani tekanan dan ketidakpastian dalam hidup.²¹

Meskipun Korea Selatan mempunyai matlamat untuk mendapatkan kemahiran dan maklumat yang diperlukan bagi mencapai kemajuan dalam tenaga kerja kontemporari, negara masih memberikan penekanan yang berat kepada pendidikan dan peningkatan diri. Ini mewakili salah satu daripada empat orientasi budaya daripada etika Konfusian,²² iaitu nilai Konfusian dalam pembelajaran dan pembangunan diri. "Sejauh mana individu menghargai pembelajaran berterusan untuk pembangunan diri" adalah bagaimana mereka menggambarkan nilai pembelajaran. Tumpuan kepada pembelajaran berterusan ini berakar umbi dalam nilai Konfusianisme, yang mengutamakan usaha mengejar pengetahuan dan pembangunan peribadi. Orientasi budaya terhadap pembelajaran ini amat sehati dan terus membentuk nilai dan norma masyarakat Korea Selatan kontemporari.

Idea keseimbangan kehidupan kerja (*work-life balance*) juga telah menjadi lebih popular. Walaupun etika kerja keras dipandang tinggi oleh masyarakat, faedah keluarga dan kesejahteraan diri juga diakui. Penyesuaian ini menunjukkan bagaimana etika kerja Konfusianisme telah disesuaikan dengan masyarakat Korea Selatan kontemporari. Keinginan pekerja mempunyai jadual kerja yang fleksibel, telekomunikasi, dan amalan mesra keluarga

¹⁹ Ibid.

²⁰ Kang, Jae Hyeung, James Matusik, and Lizabeth Barclay, "Affective and Normative Motives to Work Overtime in Asian Organizations: Four Cultural Orientations from Confucian Ethics," *Journal of Business Ethics* 140 (2017): 115–130, <https://doi.org/10.1007/s10551-015-2683-4>.

²¹ Ibid.

²² Ibid.

kebanyakannya dipengaruhi oleh nilai keharmonian.²³ Nilai keharmonian mencerminkan keperluan pekerja di Korea Selatan kontemporari.

Kesimpulannya, etika kerja Konfusianisme, yang bertapak kukuh dalam latar belakang sejarah Dinasti Choson, terus memberi kesan kepada nilai dan norma kerja profesional Korea Selatan kontemporari. Nilai-nilai penting iaitu ketekunan, peningkatan diri, dan komitmen terhadap sesuatu dalam masyarakat terus mempengaruhi matlamat dan aktiviti orang di tempat kerja. Dalam dunia ekonomi kontemporari yang berdaya saing, rakyat Korea Selatan mengamalkan etika kerja Konfusianisme di pelbagai tempat kerja, seperti pejabat, kilang dan makmal. Etika kerja Konfusianisme telah diubahsuai bagi memenuhi keperluan masyarakat kontemporari, dengan tumpuan kepada pembelajaran berterusan dan peningkatan diri. Pendidikan pula sentiasa menjadi keutamaan sebagai saranan untuk memupuk dan memajukan diri. Selain itu, terdapat peningkatan pengiktirafan tentang kepentingan keseimbangan kehidupan kerja (*work-life balance*), yang mencerminkan keperluan dan nilai pekerja Korea Selatan kontemporari. Etika kerja Konfusianisme terus membentuk nilai dan norma profesional dalam masyarakat Korea Selatan kontemporari.

HIERARKI SOSIAL DAN KESAKSAMAAN MODEN

Semasa dinasti Choson, struktur hierarki sosial mempengaruhi peranan dan tanggungjawab individu merangkumi faktor seperti umur, jantina, dan hubungan. Hierarki sosial ini memainkan peranan penting dalam membentuk landskap politik, ekonomi dan budaya pada ketika itu. Hierarki sosial Konfusianisme dalam masyarakat Choson mengawal kedudukan sosial setiap orang serta hak dan kewajipan mereka. Pemerintah dan keluarga terdekatnya, memegang kuasa tertinggi, yang menduduki hierarki yang teratas. Yangban, atau golongan sarjana, hidup di bawah pemerintahan beraja dan memegang kedudukan istimewa.²⁴ Bangsawan yang berpendidikan tinggi ini memegang jawatan pentadbiran yang penting dan dihormati kerana kebiasaan mereka dengan ajaran Konfusianisme. Golongan pertengahan terdiri daripada peniaga dan artisan. Mereka tidak mempunyai kedudukan sosial yang sama seperti yangban, tetapi mereka sangat penting kepada ekonomi dan budaya masyarakat Choson.²⁵ Rakyat biasa, terutamanya petani dan pekerja, berada di bahagian bawah hierarki dan berkhidmat sebagai tulang belakang negara melalui tenaga kerja mereka.

Dalam budaya dinasti Choson, lelaki memegang jawatan kepimpinan, dan peranan jantina ditakrifkan dengan ketat. Ketat yang dimaksudkan adalah masyarakat Choson melihat lelaki memainkan peranan yang besar berbanding wanita, malah lelaki masyarakat Choson mempunyai kelebihan serta keutamaan dalam sesuatu bidang berbanding wanita, sebagai contoh pandangan patriarki yang diamalkan dalam masyarakat.²⁶ Konfusianisme menekankan struktur hierarki keluarga, yang mana lelaki sulung biasanya bapa atau suami, memegang kuasa tertinggi dalam membuat keputusan keluarga dan susunan masyarakat. Struktur ini berakar

²³ Kim, Andrew Eungi and Gil-sung Park. "Nationalism, Confucianism, work ethic and industrialization in South Korea." *Journal of Contemporary Asia* 33 (2003): 37 – 49, <https://doi.org/10.1080/00472330380000041>.

²⁴ Im, Tobin, Jesse Campbell, and Seyeong Cha, "Revisiting confucian bureaucracy: Roots of the korean government's culture and competitiveness," *Public Administration and Development* 33 (2013), <https://doi.org/10.1002/pad.1656>.

²⁵ Kim, Dongno, "The Transformation of Familism in Modern Korean Society: From Cooperation to Competition," *International Sociology* 5, no. 4 (1990): 409–425, <https://doi.org/10.1177/026858090005004004>.

²⁶ Choi, Hye Rin, Byeongwan Ha, Ye Jin Jeon, Yoosik Youm, Hyeon Chang Kim and Sun Jae Jung. "Gender role stereotypes, patriarchal attitudes, and cognitive function in the elderly rural Korean population: a cross-sectional study." *Epidemiology and Health* 43 (2021), <https://doi.org/10.4178/epih.e2021023>.

umbi dalam nilai dan ajaran Konfusianisme, yang menekankan kepentingan nilai ketaatan anak serta tanggungjawab ahli keluarga.²⁷

Keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk norma jantina (gender). Wanita Korea Selatan menghadapi cabaran dalam menembusi siling kaca dan mengambil peranan kepimpinan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta.²⁸ Sifat organisasi yang didominasi lelaki di Korea mengukuhkan lagi tekanan untuk pemimpin wanita menyesuaikan diri dengan gaya bekerja tradisional lelaki.²⁹ Nilai budaya dan norma tempat kerja yang melibatkan ketidakadilan gender menyumbang kepada penyertaan terhad wanita dalam jawatan kepimpinan di Korea Selatan.³⁰ Nilai *filial piety* atau ketaatan anak adalah nilai utama dalam falsafah Konfusianisme, yang menekankan kepentingan anak-anak menghormati dan mentaati ibu bapa mereka. Nilai ini juga perlu dijunjung tinggi oleh anak perempuan kerana tingkah laku mereka akan menyumbang kepada reputasi keluarga.³¹ Nilai Konfusianisme tradisional juga meletakkan wanita dalam peranan bawahan, terutamanya dalam lingkungan domestik. Tanggungjawab utama wanita termasuk mengurus rumah tangga, membesarkan anak, dan menjaga kebajikan keluarga.³² Pendidikan wanita pada akhir dinasti Choson terdiri daripada norma Konfusian yang mesti dilakukan oleh wanita dalam kehidupan seharian bagi memperoleh pengetahuan sebagai memperhalus kemahiran sosial dan pendidikan genealogi untuk kesedaran sebagai anak perempuan.³³ Pendidikan formal wanita juga sememangnya terhad berbanding lelaki. Walaupun terdapat penekanan untuk memupuk nilai moral dan kemahiran domestik, ianya tidak begitu luas seperti yang terbuka untuk lelaki.³⁴

Namun begitu, kesaksamaan jantina telah meningkat dengan ketara di Korea Selatan kontemporari. Wanita dilihat memainkan peranan utama dalam beberapa bidang kemasyarakatan, termasuk politik, perniagaan dan akademik. Akses wanita kepada pendidikan di Korea Selatan telah meningkat dengan ketara, membawa kepada lebih ramai wanita melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan kerjaya profesional. Peluasan program universiti pada akhir 1970-an dan awal 1980-an memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian pendidikan wanita dan seterusnya pemilikan harta dan kuasa membuat keputusan di rumah.³⁵ Pendidikan juga telah meningkatkan kemungkinan wanita untuk bekerja, mempunyai pekerjaan kolar putih dan mencapai kebebasan kewangan daripada pasangan

²⁷ Moore, Robert. L., "Confucianism and the Family," In the *Oxford Handbook of Confucianism*, (Oxford University Press, 2023), 365-C27P75.

²⁸ Kim, Junyong, "Cultivating Freedom in South Korea: Media Discourse on Chayu during the Early Park Chung-hee Period," *Korean Studies* 46, no. 1 (2022): 259–293, <https://doi.org/10.1353/ks.2022.0010>.

²⁹ Kim, Yanghee, and Yonjoo Cho, "The Status of Women Leaders in South Korea: Challenges and Opportunities," (2018), 3–21, https://doi.org/10.1007/978-3-319-64271-0_1.

³⁰ Cho, Y., Kim, S., You, J., Han, H., Kim, M., & Yoon, S., "How South Korean women leaders respond to their token status: assimilation and resistance," *Human Resource Development International* 24, no. 4 (2021) 377–400, <https://doi.org/10.1080/13678868.2021.1885207>.

³¹ Zheng, Lulu, and Lim Chee Men, "Analysis of Semantic Levels and Characteristics of China Confucian Filial Piety Cultural Products Based on Deep Learning," In *Sixth International Conference on Intelligent Computing, Communication, and Devices (ICCD 2023)*, edited by Srikanta Patnaik, 66. SPIE, 2023, <https://doi.org/10.1117/12.2682908>.

³² Hu, Jing Iris, *Roles and Virtues*. In *The Ethics of Social Roles*, (Oxford: Oxford University Press Oxford, 2023), 49–65, <https://doi.org/10.1093/oso/9780192843562.003.0003>.

³³ Choi Younghee, "A Study on the Role of Women in Modern Korean Residential Culture: Construction of Basic Materials for Korean Teacher Education," *The Korean Society of Culture and Convergence* 45, no. 4 (2023): 969–988, <https://doi.org/10.33645/cnc.2023.04.45.04.969>.

³⁴ Kim, Sungmoon, *Confucian Constitutionalism* (Oxford University Press New York, 2023), 35–67, <https://doi.org/10.1093/oso/9780197630617.001.0001>.

³⁵ Kim Dahye, "Women's Higher Education, Assortative Mating, and Empowerment: Long-Term Evidence from College Enrollment Expansion in South Korea," *The Journal of Development Studies* 59, no. 3 (2023): 430–447, <https://doi.org/10.1080/00220388.2022.2139606>.

mereka.³⁶ Walau bagaimanapun, wanita masih menghadapi cabaran seperti kurang perwakilan dalam pekerjaan berkemahiran tinggi, bergaji tinggi, akses terhadap kepada peluang latihan dan pembangunan diri, serta diskriminasi berasaskan gender.³⁷ Di samping itu, terdapat trend ke arah hubungan yang lebih egalitarian antara pasangan, iaitu pasangan memegang tanggungjawab bersama antara suami dan isteri dalam rumah tangga dalam membesarkan anak.³⁸ Walaupun nilai dan norma Konfusian mungkin masih mempengaruhi persepsi tentang peranan jantina dan menyumbang kepada *energy poverty* dalam rumah tangga, terdapat bukti dinamik keluarga yang berkembang dan melangkah ke arah hubungan yang lebih saksama.

Pada hari ini, warisan sejarah dan budaya adalah bersifat dinamik dan fleksibel yang telah membantu wanita. Perspektif tentang warisan sejarah di Korea Selatan boleh digunakan sebagai alat untuk advokasi undang-undang dan sosial. Penekanan tentang perjuangan sejarah dan kejayaan wanita boleh menyokong usaha masyarakat dalam menangani isu jantina kontemporari seperti diskriminasi di tempat kerja, keganasan dalam rumah tangga dan sebagainya. Evolusi pemikiran feminis di Korea Selatan sejak 600 tahun lalu memberikan gambaran tentang cara hak wanita diperjuangkan dan disampaikan melalui media popular hari ini.³⁹ Selain itu, kisah wanita Korea yang telah mencabar norma masyarakat pada masa lalu boleh dijadikan inspirasi untuk pergerakan wanita kontemporari. Memahami cara wanita mengharungi cabaran sejarah boleh memberi teladan kepada masa kini dalam meneruskan usaha membangkitkan kesaksamaan jantina dan memperkasa wanita di Korea Selatan. Buku Nam mengenai wanita dalam gerakan buruh memberikan bukti sumbangan penting wanita kepada gerakan anti-kolonial atau nasionalis dan pendemokrasian Korea Selatan.⁴⁰ Kesan sejarah telah memberi inspirasi dan menunjukkan usaha kontemporari mencabar ketidaksamaan jantina dan memperkasakan wanita di Korea Selatan. Meritokrasi, dipromosikan di Korea Selatan kontemporari iaitu individu dapat berjaya melalui pangkat berdasarkan kemahiran dan kelayakan mereka dan bukannya kedudukan sosial mereka.⁴¹ Sekali lagi, tumpuan pembaharuan adalah untuk mencapai kesaksamaan gender.

Pada masa lalu, struktur hierarki sosial Konfusianisme memaparkan ketertiban kerajaan dan sosial, tetapi di Korea Selatan kontemporari, meritokrasi, kesaksamaan jantina dan mobiliti sosial adalah nilai yang diamalkan. Transformasi ini menunjukkan bagaimana tamadun boleh berubah dan menyesuaikan diri walaupun dalam menghadapi budaya dan norma sejarah yang berakar umbi. Struktur sosial Konfusianisme klasik, yang memberikan individu tempat mereka berdasarkan umur, jantina, dan hubungan, telah dicabar. Selepas Perang Dunia II, Korea Selatan mengalami perindustrian dan pendemokrasian yang pesat, membawa kepada perubahan ketara dalam struktur sosial. Dengan lebih ramai individu yang mempunyai akses kepada pendidikan dan peluang, sempadan yang jelas antara kelas menjadi kurang jelas. Transformasi ini menyerlahkan kemajuan yang dicapai oleh Korea Selatan dalam menghayati nilai-nilai kontemporari.

³⁶ Ibid.

³⁷ Zakharova, Elena V., and Kseniia A. Komarova, "Traditional versus New: Gender equality in South Korea Higher education system," *Alma Mater. Vestnik Vysshey Shkoly* 1 (2022): 18–24, <https://doi.org/10.20339/AM.01-22.018>.

³⁸ Moore, Robert. L., "Confucianism and the Family," In the *Oxford Handbook of Confucianism*, (Oxford University Press, 2023), 365-C27P75.

³⁹ Son, Cheon Meeyoung, "Exploring the Impact of Cultural Heritage on Destination Branding and Tourist Experiences: Perspective from South Korea," *Journal of Hospitality & Tourism Management* 6, no. 1 (2023): 1–10, <https://doi.org/10.53819/81018102t4138>.

⁴⁰ Sabitkyzy, A., "Gender inequality in the labor market in South Korea," *Journal of Oriental Studies* 105, no. 2 (2023), <https://doi.org/10.26577/JOS.2023.v105.i2.09>.

⁴¹ Im, Tobin, Jesse Campbell, and Seyeong Cha, "Revisiting confucian bureaucracy: Roots of the korean government's culture and competitiveness," *Public Administration and Development* 33 (2013), <https://doi.org/10.1002/pad.1656>.

PENDIDIKAN SEBAGAI TONGGAK: TRADISI KEILMUAN KONFUSIAN DAN AKADEMIK KONTEMPORARI

Menurut falsafah Konfusian, pendidikan adalah sangat penting dan utama yang bertindak sebagai asas untuk kemajuan kedua-dua individu dan masyarakat secara keseluruhan. Pendidikan pada asasnya dilihat sebagai proses perubahan yang membawa kepada kebijaksanaan dan pembangunan akhlak moral, dan bukannya hanya satu cara untuk memperoleh pengetahuan. Hubungan asas antara peningkatan moral dan pendidikan ini telah membentuk falsafah pendidikan Korea Selatan dan landskap budaya dan sosiologinya sepanjang sejarah pemikiran Konfusianisme.

Dinasti Choson mempunyai sistem pendidikan yang sangat teratur, dengan sistem peperiksaan perkhidmatan awam gwageo bertindak sebagai asasnya.⁴² Para intelek Konfusian yang akan menjadi elit birokrasi dibesarkan melalui penggunaan sistem peperiksaan ini. Keperluan untuk lulus dalam peperiksaan adalah bagi memperoleh prestij sosial dan kemajuan. Sistem peperiksaan memainkan peranan penting dalam membentuk landskap pendidikan semasa dinasti Choson. Ia bukan sahaja memastikan mereka memegang jawatan berpendidikan tinggi, malah ia juga menyemai rasa hormat yang mendalam terhadap ilmu dalam masyarakat. Penekanan terhadap pendidikan ini terus mempengaruhi budaya Korea Selatan hari ini, dengan penekanan yang kuat terhadap pencapaian akademik dan mengejar pendidikan tinggi.

Akademi Konfusian yang dikenali sebagai seowon memainkan peranan penting dalam pendidikan di luar peperiksaan perkhidmatan awam.⁴³ Akademi-akademi ini berfungsi sebagai hab pendidikan di mana murid-murid mempelajari Konfusian klasik dan mengambil bahagian dalam perbincangan akademik. Penekanan kepada falsafah dan etika Konfusian menanamkan rasa kewajipan moral dan tanggungjawab masyarakat dalam diri para sarjana dan pelajar. Seowon bukan sahaja menyediakan pendidikan tetapi juga berfungsi sebagai pusat pertukaran intelektual dan budaya. Mereka memainkan peranan penting dalam memelihara dan menyebarkan ajaran Konfusianisme, memastikan kesinambungan nilai dan tradisi Konfusianisme. Sistem seowon tidak terhad kepada golongan elit; ia juga menyediakan peluang pendidikan kepada rakyat jelata, membolehkan mereka menimba ilmu dan bimbingan moral. Penekanan terhadap pendidikan sebagai cara pembangunan moral dan kesepaduan sosial ini telah memberi kesan yang berkekalan kepada masyarakat Korea Selatan. Kini, pendidikan kekal menjadi sesuatu yang amat dihargai di Korea Selatan, dengan penekanan yang kuat terhadap pencapaian akademik dan pencarian ilmu. Pengaruh Konfusianisme masih dapat dilihat dalam sistem pendidikan dan amalan budaya negara.

Penekanan sejarah Dinasti Choson terhadap pendidikan mewujudkan asas bagi institusi pendidikan kontemporari Korea Selatan. Salah satu sistem pendidikan yang paling ketat dan berprestij di dunia hari ini terdapat di Korea Selatan. Kadar celik huruf yang tinggi, budaya ujian standard, dan banyak hagwon (institusi swasta) semuanya menunjukkan dedikasi negara terhadap pendidikan. Sungkyunkwan, penubuhan pendidikan terhebat dinasti Choson, adalah “moyang” kepada Universiti Sungkyunkwan (SKKU), sebuah universiti swasta terkemuka di Korea Selatan. Raja Taejo, orang yang menubuhkan Choson, menubuhkan SKKU pada tahun 1398 sebagai sekolah Konfusian yang menawarkan kursus dalam sastera, pentadbiran, dan klasik. Golongan elit Konfusian telah diambil dan disediakan untuk birokrasi melalui sistem

⁴² Levent, Faruk, and Meral Dereli Pehlivan, “Confucianism’s influence on ethics education in South Korea,” *Journal of New Results in Science* 14, (2017): 321–330, <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:58903449>.

⁴³ Shin, Jung Cheol, “Higher education development in Korea: western university ideas, Confucian tradition, and economic development,” *Higher Education* 64, no. 1 (2012): 59–72, <http://www.jstor.org/stable/41477919>.

peperiksaan perkhidmatan awam gwageo, yang diadakan di SKKU.⁴⁴ Suneung, ujian kemasukan kolej, adalah setara kontemporari gwageo dan mempunyai impak yang ketara ke atas cara pelajar akan mengejar matlamat akademik dan profesional mereka. Tambahan pula, prinsip Konfusianisme tentang moral dan tanggungjawab etika masih sangat ditekankan di kolej Korea Selatan. Prinsip-prinsip ini dilihat amat penting untuk mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab di samping profesional yang mahir.

Pengaruh berpanjangan tradisi akademik Konfusian dalam pendidikan Korea Selatan, secara ringkasnya membuktikan pengaruh sejarah penting terhadap masyarakat kontemporari. Keyakinan asas dalam potensi transformasi pendidikan tidak berubah sepanjang zaman, walaupun terdapat perubahan dalam teknik dan kesukaran pendidikan. Komitmen terhadap pendidikan di Korea Selatan adalah cerminan penekanan budaya yang hebat terhadap pembelajaran dan pembangunan peribadi—nilai-nilai yang berakar umbi dalam idea-idea Konfusianisme telah bertahan untuk jangka masa yang panjang. Dalam bahagian yang berikut, artikel ini akan membincangkan bagaimana sejarah dan falsafah Konfusian terus mempengaruhi tadbir urus dan kepimpinan Korea Selatan kontemporari.

TADBIR URUS DAN KEPIMPINAN: PRINSIP KONFUSIANISME DALAM KONTEKS SEJARAH DAN KONTEMPORARI

Sepanjang sejarah Korea Selatan, Konfusianisme mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap sistem politik negara. Nilai-nilai Konfusianisme, telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan kepimpinan dan pentadbiran Korea, khususnya semasa Dinasti Choson. Idea "Mandat dari Syurga," berpendapat bahawa pemerintah diberi kuasa oleh Tuhan selagi mereka memerintah dengan adil dan demi kepentingan terbaik rakyat. Yangban, atau sarjana Konfusian, adalah penting dalam menasihati dan memastikan bahawa raja-raja mengikut ajaran ini.

Sistem peperiksaan perkhidmatan awam, yang merupakan idea Konfusian, bertujuan untuk memupuk individu yang berkebolehan dan mempunyai bakat berdasarkan merit.⁴⁵ Pendekatan ini membolehkan mereka yang mempunyai latar belakang berbeza untuk maju melalui pangkat dan bekerja dalam kerajaan. Ini menunjukkan bahawa Konfusianisme ialah rangka kerja yang fleksibel dan adaptif yang boleh menerima banyak budaya, kepercayaan, dan sudut pandang.

Pentadbiran Korea dibawah Kim Dae-jung, yang merupakan Presiden kelapan Korea (1998-2003) yang menggabungkan kerajaan demokratik dengan nilai-nilai Konfusianisme, menunjukkan bahawa Konfusianisme masih relevan dalam sistem pentadbiran.⁴⁶ Falsafah politik Kim Dae-jung, yang sering disebut sebagai "Demokrasi dengan Wajah Manusia," bertujuan untuk menyelaraskan nilai Konfusian dengan kehendak demokrasi kontemporari. Beliau menekankan kepentingan beretika, keadilan sosial dan kebajikan rakyat—semuanya berakar umbi dalam etika Konfusianisme.⁴⁷ Pendekatan Kim Dae-jung ini mencerminkan percubaannya untuk memelihara dan menyesuaikan nilai tradisional dalam masyarakat kontemporari.

⁴⁴ Janelli, Roger L., "The Korean Road to Modernization and Development," *The Journal of Asian Studies* 48, no. 1 (1989): 188–189, <https://doi.org/DOI: 10.2307/2057723>.

⁴⁵ Hang, Lin, "Traditional Confucianism and its Contemporary Relevance," *Asian Philosophy* 21 (2011): 437–445, <https://doi.org/10.1080/09552367.2011.635896>.

⁴⁶ Muttaqin, M. Zaenul, "ROK, Kwon Kyung, Confucian Sentimental Representation: A New Approach to Confucian Democracy. London and New York: Routledge, 2022," *Contrastes. Revista Internacional de Filosofía* 28, no. 2 (2022): 173–75, <https://doi.org/10.24310/Contrastescontrastes.v28i1.15218>.

⁴⁷ Kim, Sungmoon, *Confucian Constitutionalism* (Oxford University Press New York, 2023), 35-67, <https://doi.org/10.1093/oso/9780197630617.001.0001>.

Dengan menekankan kepemimpinan beretika, Konfusianisme terus mempunyai pengaruh yang besar terhadap politik Korea Selatan. Pemimpin dikehendaki mempamerkan kejujuran moral, kesopanan, dan dedikasi untuk kebaikan negara. Sebagai contoh, nilai tanggungjawab moral dan kepemimpinan beretika daripada pemimpin mereka membawa kepada pemecatan bekas presiden Park Geun-hye pada 2017.⁴⁸ Park dituduh melakukan rasuah, salah guna kuasa dan bersubahat dengan orang kepercayaan Choi Soon-sil, yang disyaki mempengaruhi hal ehwal negara dan memeras wang daripada firma sementara tidak memegang jawatan rasmi. Kontroversi itu membawa kepada demonstrasi yang meluas di seluruh negara yang menggesa peletakan jawatan dan hukuman ke atas Park. Park menjadi presiden pertama Korea Selatan yang dipecat apabila Dewan Negara memutuskan untuk memecatnya daripada jawatan, dan Mahkamah Perlembagaan mengesahkan keputusan itu.

Walaupun mengalami pemodenan, kerajaan Korea Selatan sangat bergantung pada sistem peperiksaan perkhidmatan awamnya. Ia menggalakkan meritokrasi di mana kenaikan pangkat dibuat lebih berdasarkan kelayakan dan prestasi berbanding hubungan atau kronisme. Tambahan pula, perspektif Korea Selatan tentang kebajikan sosial dan hal ehwal kerajaan dipengaruhi oleh prinsip Konfusian. Kerajaan meletakkan keutamaan yang tinggi untuk melindungi kebajikan rakyatnya, yang merangkumi cita-cita Konfusian tentang kepemimpinan yang penyayang. Dedikasi kepada kebajikan penduduk ini dicerminkan dalam dasar mengenai perkhidmatan sosial, penjagaan kesihatan dan pendidikan. Sebagai contoh, dua program keselamatan sosial utama Korea Selatan, Perkhidmatan Insurans Kesihatan Nasional (NHIS) dan Sistem Pencen Asas (BPS), dimodelkan mengikut prinsip dan idea Konfusian. Walaupun NHIS meliputi semua rakyat dan penduduk untuk pelbagai rawatan perubatan, BPS memberikan gaji bulanan kepada warga emas berpendapatan rendah bagi yang berumur 65 tahun keatas.⁴⁹ Nilai-nilai Konfusian tentang ketaatan, kemanusiaan, belas kasihan, dan timbal balik terkandung dalam BPS dan NHIS. Nilai-nilai ini memberikan penekanan yang kuat terhadap kewajipan moral yang diberikan kepada anak-anak untuk menghormati dan membantu ibu bapa mereka, kerajaan untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan penduduk, dan masyarakat untuk menggalakkan kerjasama dan bantuan bersama.

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diingat bahawa nilai-nilai Konfusianisme tidak membentuk keseluruhan pentadbiran Korea Selatan. Korea Selatan kontemporari mestilah mengambil kira keperluan masyarakat sambil mencapai keseimbangan antara prinsip tradisional dan isu semasa, yang mana menyebabkan Korea Selatan terdedah kepada pengaruh barat yang meresap dalam pentadbiran dan politik Korea Selatan. Sebagai contoh, kita dapat lihat melalui peranan Kim Dae-jung memperjuangkan prinsip demokrasi, hak asasi manusia dan tadbir urus ekonomi yang mencerminkan cita-cita Barat, menyelaraskan Korea Selatan lebih dekat dengan nilai demokrasi liberal.⁵⁰ Dasar luar Kim Dae-jung menggalakkan Korea Selatan menjadi pemain global yang bertanggungjawab dengan meningkatkan penglibatannya dengan masyarakat antarabangsa.⁵¹ Pendekatan ini telah menyumbang kepada integrasi Korea

⁴⁸ Gils, Suzanne van, and Niels van Quaquebeke, (2022). "Ethical Leadership," In *Oxford Research Encyclopedia of Psychology*, (Oxford University Press, 2022), <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190236557.013.558>.

⁴⁹ Ahn, Seoyeon, Yung Chun, Ji Young Kang, and Sojung Park, "The Effect of Social Pension on Material Hardship among Older Adults in Korea: Regression Discontinuity Estimation," *Social Policy and Society*, (2023): 1–19, <https://doi.org/DOI: 10.1017/S1474746422000550>.

⁵⁰ Noh, Meung-Hoan, "The Contribution of Kim Dae-jung to the Korean Wave and the Meaning and Role of the Korean Wave for the Completion of the Incomplete Kim Dae-jung's Ideas and Policies: Democracy, Peace, and Win-Win Overcoming the Division of the Korean Peninsula and Achieve," *Institute of History and Culture Hankuk University of Foreign Studies* 83, (2022): 171–235, <https://doi.org/10.18347/hufshis.2022.83.171>.

⁵¹ Ryu, Yongwook, "South Korea's role conceptions and the liberal international order," *International Affairs* 99, no. 4 (2023): 1439–1458, <https://doi.org/10.1093/ia/iiaid164>.

Selatan ke dalam dunia global, memupuk hubungan ekonomi dan budaya dengan negara-negara Barat.⁵²

Presiden lain juga ada yang menerapkan sistem pembaratan, seperti Park Chung Hee (1963-1979) yang memainkan peranan penting dalam pemodenan dan perindustrian Korea Selatan pada tahun 1960-an dan 1970-an. Rejimnya melaksanakan dasar ekonomi yang mendapat inspirasi daripada model kapitalis Barat.⁵³ Kerajaan secara aktif mencari bantuan dan pelaburan asing, memupuk hubungan dengan negara-negara Barat untuk menyokong pembangunan ekonomi Korea Selatan.⁵⁴ Di bawah kepimpinan Park, kejayaan perindustrian berorientasikan eksport (EOI) Korea Selatan memainkan peranan penting dalam mengubah negara menjadi sebuah negara demokrasi yang makmur.⁵⁵ Bagaimanapun, penekanan terhadap pertumbuhan pesat dan kos tenaga buruh yang rendah menghalang pembangunan negara yang menjaga kebajikan rakyat di Korea Selatan.⁵⁶ Perkara yang ketara dapat dilihat Park menggunakan tanggapan kebebasan untuk membentuk dan mengawal tindakan rakyatnya, sambil menunjukkan dirinya sebagai pembela kebebasan berbeza dengan negara komunis.⁵⁷

Selain itu, Roh Tae-woo (1988-1993) juga menunjukkan peralihan ke arah sistem politik yang lebih terbuka dan menerima prinsip demokrasi yang dipengaruhi oleh model Barat. Pentadbiran beliau memberi tumpuan kepada liberalisasi dan memulakan reformasi demokrasi sebagai tindak balas kepada tekanan dalaman dan luaran.⁵⁸ Kim Young-sam (1993-1998) meneruskan reformasi demokrasi yang dimulakan oleh Roh Tae-woo. Beliau menunjukkan usaha dalam menggalakkan ketelusan, hak asasi manusia dan keterbukaan politik, sejajar dengan cita-cita demokrasi Barat.⁵⁹ Pentadbiran Roh Moo-hyun (2003-2008) juga sama, iaitu tumpuan kepada ketelusan, anti-rasuah dan dasar kebajikan sosial yang mencerminkan komitmen terhadap tadbir urus gaya Barat dan menekankan hak asasi manusia dan nilai demokrasi.⁶⁰ Lee Myung-bak (2008-2013) pula merupakan bekas ahli eksekutif perniagaan yang meneruskan dasar pro-perniagaan dan liberalisasi ekonomi. Tujuannya adalah untuk meningkatkan daya saing global, memupuk hubungan dengan negara Barat dan menggalakkan pelaburan asing.⁶¹ Presiden Korea Selatan tersebut menunjukkan bahawa dalam tempoh yang

⁵² Lee, Yun-Jung, "A Study on Korean Life and Culture Adaptation of Muslim International Students in Seoul," *The Korean Journal of Community Living Science* 34, no. 2 (2023): 289–311, <https://doi.org/10.7856/kjcls.2023.34.2.289>.

⁵³ Kim, Bo-Hyeon, "Park Chung-Hee Government's Economic Policies in the 1960s: Their Relationships with the U.S. Government and the Desire for Accelerating Growth," *ECONOMY AND SOCIETY* 138, (2023): 133–167, <https://doi.org/10.18207/criso.2023..138.133>.

⁵⁴ Yang, Jae-jin, "The Developmental State, Export-Oriented Industrialization, and South Korea's Social Security System," In *The Oxford Handbook of Governance and Public Management for Social Policy* (Oxford University Press, 2023), 219-C15.P37, <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780190916329.013.27>.

⁵⁵ Kurmyzov, Aleksandr, "Park Chung Hee's Regime in the Mirror of Modern Russian Historiography," *Afro-Aziatskie Obshchestva: Istoriia i Sovremennost* 1, (2023): 215, <https://doi.org/10.31857/S086919080023985-0>.

⁵⁶ Pacheco Pardo, Ramon, "The Park Chung-Hee Era 1961–79," In *Shrimp to Whale*, (Oxford University Press, 2022), 47–82, <https://doi.org/10.1093/oso/9780197659656.003.0003>.

⁵⁷ Kim, Junyong, "Cultivating Freedom in South Korea: Media Discourse on Chayu during the Early Park Chung-hee Period," *Korean Studies* 46, no. 1 (2022): 259–293, <https://doi.org/10.1353/ks.2022.0010>.

⁵⁸ Lee, Cheol-Ho, "A Study of the Three-Party Merger of Roh Tae-woo Government in Terms of Constitutional History," *The Korean Society of Private Security* 21, no. 2 (2022): 119–150, <https://doi.org/10.56603/jksp.2022.21.2.119>.

⁵⁹ Wongi, Choe, "South Korea's New Southern Policy," In *South Korea's New Southern Policy*, (Routledge, 2023), 19–41, <https://doi.org/10.4324/9781003353133-4>.

⁶⁰ Dostal, Jörg Michael, "South Korea: The Lasting Pitfalls of the 'Imperial Presidency'," *The Political Quarterly* 94, no. 1 (2023): 57–68, <https://doi.org/10.1111/1467-923X.13232>.

⁶¹ Shpak, Anna, "Cultural Policy In South Korea. Making A New Patron State. Book Review By Author Hye-Kyung Lee," *Asia, America and Africa History and Modernity* 2, no. 2 (2023): 91–96, <https://doi.org/10.31804/2782-540X-2023-2-2-91-96>.

berbeza mereka telah menyumbang kepada pembaratan negara dengan menerima tadbir urus demokratik, liberalisasi ekonomi dan penglibatan global.

Apa yang dapat disimpulkan adalah Konfusianisme mempunyai kesan terhadap sistem politik Korea. Ia memberikan panduan moral dan etika kepada kerajaan dan rakyat, menjadikannya sebagai satu kuasa penting dalam landskap politik negara ini. Konsep “Mandat dari Syurga” merujuk kepada kepercayaan bahawa kerajaan perlu bertanggungjawab kepada rakyat dan memastikan kesejahteraan mereka. Konsep moraliti, berdasarkan merit dan status sosial, telah menjadi teras dalam sistem politik Korea. Konsep “Demokrasi dengan Wajah Manusia” pula menggalakkan nilai-nilai moral dan komitmen terhadap kesejahteraan negara. Dalam bahagian ini, dapat dilihat bagaimana idea-idea kepimpinan Konfusian berterusan dalam institusi politik Korea Selatan untuk memberi penerangan tentang interaksi berterusan antara tradisi dan kemodenan di Korea Selatan meskipun wujudnya pengaruh barat.

KESIMPULAN

Sepanjang artikel ini, kita melalui masa dan budaya dinasti Choson serta nilai Konfusianisme yang telah memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat Korea Selatan hari ini. Telah dikatakan bahawa warisan berterusan ini dapat dilihat dalam pimpinan kerajaan, institusi pendidikan, dan sosial masyarakat. Sejarah dinasti Choson, dilihat sebagai tempoh penting dalam sejarah Korea yang ditandai dengan perubahan revolusioner dan pengenalan Konfusianisme. Kita juga dapat meneliti ajaran Konfusianisme dalam hierarki sosial, ketaatan anak, dan etika kerja yang kuat digunakan untuk membentuk masyarakat Choson.

Artikel ini juga membincangkan bagaimana idea Konfusianisme berterusan dalam mempengaruhi nilai dan norma Korea Selatan kontemporari. Dalam dunia perniagaan Korea Selatan yang berdaya saing, etika kerja Konfusian berkembang pesat, dan hubungan kekeluargaan kontemporari mengutamakan nilai ketaatan dan kewajipan anak. Selaras dengan usaha berterusan Korea Selatan untuk maju dan menjadi inklusif, artikel ini juga menggariskan bagaimana hierarki masyarakat diubah menjadi prinsip kesaksamaan kontemporari. Prinsip utama pendidikan dalam Konfusianisme berkembang sebagai penghubung penting yang menghubungkan Dinasti Choson dan Korea Selatan kontemporari. Identiti negara Korea Selatan terus dibentuk secara mendalam melalui dedikasi negara terhadap pendidikan, yang didorong oleh nilai meritokrasi dan membentuk institusi pendidikan dan sosialnya. Nilai-nilai Konfusian mengenai kepimpinan moral, ketekunan, dan tanggungjawab masih menjadi penanda aras untuk standard sosial, tadbir urus dan pendidikan Korea Selatan kontemporari.

Dinasti Choson, dengan komitmennya terhadap prinsip Konfusian, menyemai benih nilai budaya kekal Korea Selatan. Nilai-nilai ini tidak layu dengan masa; sebaliknya, mereka telah menyesuaikan diri, berkembang dan berkembang maju, mencari ungkapan baharu dalam dunia kontemporari. Perjalanan artikel ini menjadi peringatan tentang betapa kritikalnya untuk mengkaji warisan sejarah untuk memahami norma budaya dan masyarakat moden. Kita melihat bagaimana sejarah adalah kuasa hidup yang terus mempengaruhi masa kini dan masa depan, bukannya tinggalan masa lalu.

Kajian tentang warisan sejarah juga berfungsi sebagai peringatan tentang bagaimana manusia boleh menyesuaikan diri, inventif dan evolusi sementara masih mengekalkan elemen penting tradisi. Ia mengajar kita bahawa budaya adalah kuasa dinamik yang boleh menyesuaikan diri dengan keadaan baru tanpa melupakan siapa ia di tengah-tengahnya. Kajian tentang warisan sejarah menyediakan kompas yang membolehkan kita mengharungi rintangan masa kini dalam dunia yang sentiasa berubah melalui proses globalisasi yang amat pantas. Ia berfungsi sebagai peringatan bahawa tidak kira sejauh mana masa depan kita mengembara, akar umbi kita akan sentiasa berada di masa lalu, dan bahawa sejarah budaya kita akan sentiasa menjadi mercu tanda bagi kita semasa kita bergerak ke hadapan.

PENGHARGAAN

Kami ingin menyampaikan penghargaan setinggi-tingginya kepada pengulas tanpa nama atas pemikiran dan maklum balas mereka yang bernas. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Korea Foundation (Scholarship for Graduate Studies) kerana membiayai penyelidikan pelajar.

RUJUKAN

- Ahn, Seoyeon, Yung Chun, Ji Young Kang, and Sojung Park, “The Effect of Social Pension on Material Hardship among Older Adults in Korea: Regression Discontinuity Estimation,” *Social Policy and Society*, (2023): 1–19, <https://doi.org/DOI: 10.1017/S1474746422000550>.
- Cho, Yonjoo, Sehoon Kim, Jieun You, Heeyoung Han, Minjung Kim, and Sokyum Yoon, “How South Korean Women Leaders Respond to Their Token Status: Assimilation and Resistance,” *Human Resource Development International* 24, no. 4 (2021): 377–400, <https://doi.org/10.1080/13678868.2021.1885207>.
- Choi, Hye Rin, Byeongwan Ha, Ye Jin Jeon, Yoosik Youm, Hyeon Chang Kim, and Sun Jae Jung, “Gender Role Stereotypes, Patriarchal Attitudes, and Cognitive Function in the Elderly Rural Korean Population: A Cross-Sectional Study,” *Epidemiology and Health* 43 (2021): e2021023, <https://doi.org/10.4178/epih.e2021023>.
- Choi, Younghee, “A Study on the Role of Women in Modern Korean Residential Culture: Construction of Basic Materials for Korean Teacher Education,” *The Korean Society of Culture and Convergence* 45, no. 4 (2023): 969–88, <https://doi.org/10.33645/cnc.2023.04.45.04.969>.
- Dostal, Jörg Michael, “South Korea: The Lasting Pitfalls of the “Imperial Presidency,”” *The Political Quarterly* 94, no. 1 (2023): 57–68, <https://doi.org/10.1111/1467-923X.13232>.
- Gils, Suzanne van, and Niels van Quaquebeke, “Ethical Leadership,” In *Oxford Research Encyclopedia of Psychology*, (Oxford University Press, 2022), <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190236557.013.558>.
- Hang, Lin, “Traditional Confucianism and Its Contemporary Relevance,” *Asian Philosophy* 21 (2011): 437–45, <https://doi.org/10.1080/09552367.2011.635896>.
- Hu, Jing Iris, “Roles and Virtues,” In *The Ethics of Social Roles*, (Oxford University Press Oxford, 2023), 49–65, <https://doi.org/10.1093/oso/9780192843562.003.0003>.
- Im, Tobin, Jesse Campbell, and Seyeong Cha, “Revisiting Confucian Bureaucracy: Roots of the Korean Government’s Culture and Competitiveness,” *Public Administration and Development* 33 (2013), <https://doi.org/10.1002/pad.1656>.
- Janelli, Roger L, “The Korean Road to Modernization and Development. By Norman Jacobs. Urbana and Chicago: University of Illinois Press, 1985,” *The Journal of Asian Studies* 48, no. 1 (1989): 188–89, <https://doi.org/DOI: 10.2307/2057723>.
- Jung, Jae Seo, “Ritualization of Affection and Respect: Two Principles of Confucian Ritual,” *Religions*, 2019, <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:150667436>.
- Kang, Jae Hyeung, James Matusik, and Lizabeth Barclay, “Affective and Normative Motives to Work Overtime in Asian Organizations: Four Cultural Orientations from Confucian Ethics,” *Journal of Business Ethics* 140 (2017): 115–30, <https://doi.org/10.1007/s10551-015-2683-4>.
- Kim, Bo-Hyeon, “Park Chung-Hee Government’s Economic Policies in the 1960s: Their Relationships with the U.S. Government and the Desire for Accelerating Growth,” *ECONOMY AND SOCIETY* 138 (2023): 133–67, <https://doi.org/10.18207/criso.2023..138.133>.
- Kim, Andrew, and Gil-sung Park, “Nationalism, Confucianism, Work Ethic and Industrialization in South Korea,” *Journal of Contemporary Asia* 33 (2003): 37–49, <https://doi.org/10.1080/00472330380000041>.

- Kim, Bok-Rae, "Korean Nobi Resistance under the Chosun Dynasty (1392–1910)," *Slavery & Abolition* 25, no. 2 (2004): 48–62, <https://doi.org/10.1080/0144039042000293036>.
- Kim, Dahye, "Women's Higher Education, Assortative Mating, and Empowerment: Long-Term Evidence from College Enrollment Expansion in South Korea," *The Journal of Development Studies* 59, no. 3 (2023): 430–47, <https://doi.org/10.1080/00220388.2022.2139606>.
- Kim, Dongno, "The Transformation of Familism in Modern Korean Society: From Cooperation to Competition," *International Sociology* 5, no. 4 (1990): 409–25, <https://doi.org/10.1177/026858090005004004>.
- Kim, Jungyoung, "Cultivating Freedom in South Korea: Media Discourse on Chayu during the Early Park Chung-Hee Period," *Korean Studies* 46, no. 1 (2022): 259–93, <https://doi.org/10.1353/ks.2022.0010>.
- Kim, Sungmoon, *Confucian Constitutionalism*, (Oxford University Press New York, 2023), 35–67, <https://doi.org/10.1093/oso/9780197630617.001.0001>.
- Kim, Yanghee, and Yonjoo Cho, "The Status of Women Leaders in South Korea: Challenges and Opportunities," In *Korean Women in Leadership*, (Cham: Springer International Publishing, 2018), 3–21, https://doi.org/10.1007/978-3-319-64271-0_1.
- Kurmyzov, Aleksandr, "Park Chung Hee's Regime in the Mirror of Modern Russian Historiography," *Afro-Aziatskie Obshchestva: Istoriia i Sovremennost*, no. 1 (2023): 215, <https://doi.org/10.31857/S086919080023985-0>.
- Lee, Cheol-Ho, "A Study of the Three-Party Merger of Roh Tae-Woo Government in Terms of Constitutional History," *The Korean Society of Private Security* 21, no. 2 (2022): 119–50, <https://doi.org/10.56603/jksps.2022.21.2.119>.
- Lee, Yong wook, "A Study on Roads and Wagons in the Goryeo~Joseon Period," *Korean Ancient Historical Society* 116 (2022): 83–111, <https://doi.org/10.18040/sgs.2022.116.83>.
- Lee, Yun-Jung, "A Study on Korean Life and Culture Adaptation of Muslim International Students in Seoul," *The Korean Journal of Community Living Science* 34, no. 2 (2023): 289–311, <https://doi.org/10.7856/kjcls.2023.34.2.289>.
- Levent, Faruk, and Meral Dereli Pehlivan, "Confucianism's Influence on Ethics Education in South Korea," *Journal of New Results in Science* 14 (2017): 321–30, <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:58903449>.
- Moore, Robert L, "Confucianism and the Family," In *The Oxford Handbook of Confucianism*, (Oxford University Press, 2023), 365–C27P75, <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780190906184.013.30>.
- Muttaqin, M. Zaenul, "ROK, Kwon Kyung, Confucian Sentimental Representation: A New Approach to Confucian Democracy. London and New York: Routledge, 2022," *Contrastes. Revista Internacional de Filosofia* 28, no. 2 (2022): 173–75, <https://doi.org/10.24310/Contrastescontrastes.v28i1.15218>.
- Noh, Meung-Hoan, "The Contribution of Kim Dae-Jung to the Korean Wave and the Meaning and Role of the Korean Wave for the Completion of the Incomplete Kim Dae-Jung's Ideas and Policies: Democracy, Peace, and Win-Win Overcoming the Division of the Korean Peninsula and Achieve," *Institute of History and Culture Hankuk University of Foreign Studies* 83 (2022): 171–235, <https://doi.org/10.18347/hufshis.2022.83.171>.
- Pacheco Pardo, Ramon, "The Park Chung-Hee Era 1961–79," In *Shrimp to Whale*, (Oxford University Press, 2022), 47–82, <https://doi.org/10.1093/oso/9780197659656.003.0003>.
- Park, Hong-Jae, "Does Filial Piety Still Matter? A Filiality-Based Perspective on Intergenerational Solidarity and Cooperation," *Journal of Intergenerational Relationships* 19 (2021): 1–14, <https://doi.org/10.1080/15350770.2021.1868232>.
- Park, Insook Han, and Lee Jay Cho, "Confucianism and the Korean Family," *Journal of Comparative Family Studies* 26 (1995): 117–34, <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:51747937>.

- Ryu, Yongwook, "South Korea's Role Conceptions and the Liberal International Order," *International Affairs* 99, no. 4 (2023): 1439–58, <https://doi.org/10.1093/ia/iad164>.
- Sabitkyzy, A, "Gender Inequality in the Labor Market in South Korea," *Journal of Oriental Studies* 105, no. 2 (2023), <https://doi.org/10.26577/JOS.2023.v105.i2.09>.
- Shin, Jung Cheol, "Higher Education Development in Korea: Western University Ideas, Confucian Tradition, and Economic Development," *Higher Education* 64, no. 1 (2012): 59–72, <http://www.jstor.org/stable/41477919>.
- Shpak, Anna, "Cultural Policy In South Korea. Making A New Patron State. Book Review By Author Hye-Kyung Lee," *Asia, America and Africa History and Modernity* 2, no. 2 (2023): 91–96, <https://doi.org/10.31804/2782-540X-2023-2-2-91-96>.
- Son, Cheon Meeyoung, "Exploring the Impact of Cultural Heritage on Destination Branding and Tourist Experiences: Perspective from South Korea," *Journal of Hospitality & Tourism Management* 6, no. 1 (2023): 1–10, <https://doi.org/10.53819/81018102t4138>.
- Wongi, Choe, "South Korea's New Southern Policy," In *South Korea's New Southern Policy*, (London: Routledge, 2023), 19–41, <https://doi.org/10.4324/9781003353133-4>.
- Yang, Jae-jin, "The Developmental State, Export-Oriented Industrialization, and South Korea's Social Security System," In *The Oxford Handbook of Governance and Public Management for Social Policy*, (Oxford University Press, 2023), 219–C15.P37, <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780190916329.013.27>.
- Zakharova, Elena V., and Kseniia A. Komarova, "Traditional versus New: Gender Equality in South Korea Higher Education System," *Alma Mater. Vestnik Vysshey Shkoly*, no. 1 (2022): 18–24, <https://doi.org/10.20339/AM.01-22.018>.
- Zheng, Lulu, and Lim Chee Men, "Analysis of Semantic Levels and Characteristics of China Confucian Filial Piety Cultural Products Based on Deep Learning," In *Sixth International Conference on Intelligent Computing, Communication, and Devices (ICCD 2023)*, edited by Srikanta Patnaik, 66. SPIE, 2023, <https://doi.org/10.1117/12.2682908>.